

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	1 APRIL 2016

## Najib mohon padam afidavit Mahathir

um-1/4/2016

**KUALA LUMPUR 31 Mac** - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengemukakan permohonan di Mahkamah Tinggi di sini untuk memadamkan afidavit Tun Dr. Mahathir Mohamad yang diikrarkan bagi menyokong permohonan bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr. Ling Liong Sik untuk membatalkan saman Perdana Menteri.

Saman itu difailkan oleh Najib pada 27 Oktober tahun lalu ekoran kenyataan bekas Presiden MCA itu dalam sebuah portal berita bertajuk '*MCA's Liong Sik joins call for Najib's ouster for allegedly putting people's money in his own pocket*' yang didakwa berbau fitnah terhadap beliau.

Artikel tersebut menuduh Najib menyalahgunakan dana syarikat pelaburan kerajaan, 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) bagi tujuan peribadi.

Najib selaku pihak plaintif menyatakan, Liong Sik telah secara palsu dan berniat jahat mengeluarkan kenyataan berbau fitnah terhadapnya semasa menghadiri satu upacara di sebuah kolej universiti di sini, yang disiarkan dalam portal berita pada 3 Oktober tahun lalu.

Peguam Nor Emelia Mohd. Izeham yang mewakili Perdana Menteri memberitahu pemberita, pihaknya mengemukakan permohonan itu atas alasan Dr. Mahathir dalam afidavit tersebut tidak menyatakan sebarang sumber artikel yang dirujuk dan

didakwa serta dipercayai sebagai benar oleh beliau.

Hakim Datuk John Louis O'Hara menetapkan 6 April ini bagi pengurusan kes saman itu.

Sementara itu, Nor Emelia mengesahkan, proses mediasi kes saman itu gagal mencapai sebarang penyelesaian.

Liong Sik diwakili peguam Vilieth Nethi.

Liong Sik yang dinamakan sebagai pihak defendan menurut pihak plaintif, didakwa membuat pernyataan berbau fitnah itu dengan berniat jahat supaya plaintif berada dalam kancas skandal, dipandang hina dan kebencian.

Perkataan-perkataan itu menurut pihak plaintif, membawa maksud, antara lain, beliau telah menggelap dana awam ke dalam akaun peribadinya dan telah menyalah guna dana itu untuk kepentingan peribadi, meraih kekayaan dan keuntungan demi kepentingan dan keuntungan peribadi.

Artikel tersebut juga membawa maksud, antara lain, pihak plaintif menyalah guna kuasanya sebagai pemimpin sebuah parti politik dan pemimpin masyarakat, tidak layak menjadi ketua kerajaan atau Perdana Menteri Malaysia.

Pihak plaintif sehubungan itu menuntut ganti rugi am, ganti rugi khas, ganti rugi teruk dan ganti rugi teladan daripada pihak defendan.